

04 AUG 2001

Mahathir-MCA

DR MAHATHIR MINTA MCA SELESAI MASALAH DEMI KEKUATAN BN

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta MCA menyelesaikan sebarang masalahnya dengan bijak demi kekuatan Barisan Nasional dan kepentingan negara.

Perdana Menteri berkata masa depan negara bergantung kepada BN dan untuk menentukan BN menjadi satu pakatan yang kuat, parti-parti komponennya termasuk MCA harus juga kuat dan kukuh.

"MCA merupakan parti yang terpenting bersama-sama dengan Umno...peliharalah MCA ini, walaupun ada masalah saya yakin masalah boleh diselesaikan tanpa melemahkan MCA, saya berdoa supaya MCA terus maju dan kuat," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan ke-48 MCA di ibu pejabat parti itu di sini.

Dr Mahathir berkata kerjasama antara Umno dan MCA serta kekuatan kedua-dua parti itu merupakan asas dan tunggak kepada kestabilan parti-parti politik dalam BN dan kepada kestabilan negara.

"Kedua-dua parti ini adalah tulang belakang Perikatan dan sekarang BN. Amat penting kita ada dua tulang belakang yang kuat, kita tidak mahu ada tulang belakang yang lemah," katanya.

Beliau berkata sementara anggota Umno perlu menentukan Umno menjadi satu parti yang kuat, anggota MCA juga bertanggungjawab untuk menentukan MCA terus kukuh kerana tanpa kedua-dua parti itu, BN mungkin akan "runtuh".

"Saudara-saudara boleh berselisih pendapat tetapi jangan lupa tanggungjawab kita untuk menjamin kedua-dua parti kita ini sentiasa kuat dan sihat untuk menerajui negara ini. Bak kata pepatah...kalau kita nak menarik rambut dalam tepung biarlah rambut itu keluar dengan bersih, tepung tidak berkecai, tidak pecah dan bertabur di merata tempat," katanya.

Dr Mahathir juga melahirkan penghargaan kepada MCA kerana sentiasa setia dan menyokong Umno.

Beliau berkata bahawa semasa Umno menghadapi kesukaran dalam politik sehingga didakwa sebagai parti tidak sah dan tidak mempunyai tempat dalam politik, MCA tidak pernah cuba memberi sokongan kepada "pihak-pihak serpihan" yang ingin menggantikan Umno.

"MCA setia kepada Umno dan sudah tentulah Umno akan terus setia kepada MCA," katanya disambut tepukan gemuruh kira-kira 2,000 anggota perwakilan.

Kerjasama erat antara kedua-dua parti itu, katanya, berjaya membentuk satu parti yang mewakili semua kaum dan menang sebanyak 10 kali pada setiap kali pilihan raya sejak Merdeka.

"Kerjasama antara MCA dan Umno telah menghasilkan segalanya yang diharapkan di negara ini," katanya.

Dr Mahathir berkata hasil kerjasama itu negara dapat menikmati kestabilan daripada segi politik dan ekonomi serta menjadi lebih maju daripada negara-negara membangun yang lain.

"Kestabilan bawa banyak keuntungan dan tanpa kestabilan mustahil kita dapat bangunkan negara kerana kalau negara kita tak stabil tak ada siapa akam melabur untuk memperkayakan negara ini.

"Kini, bukan saja pemodal asing yang melabur di Malaysia, tetapi yang lebih penting ialah pelabur tempatan juga melabur di Malaysia dan kebanyakan mereka berketurunan Cina," katanya.

Dr Mahathir berkata kaum Cina memainkan peranan besar dalam pembangunan ekonomi negara dan mereka begitu cekap dan dinamik dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

"Kalau dahulu bergantung kepada getah dan bijih timah tetapi hari ini

jadi negara industri yang mampu eksport barangan kualiti antarabangsa.

"Semua ini bergantung kepada sifat dinamik masyarakat negara ini dan dinamisme ini datangnya dari kaum Cina. Saya bersyukur dan berterima kasih kepada mereka," katanya sekali lagi diikuti tepukan gemuruh perwakilan.

Beliau berkata kaum Cina tidak tamak dan bersetuju dengan Dasar Ekonomi Baru yang dibentuk untuk mengagihkan kekayaan untuk dinikmati juga oleh kaum Bumiputera.

"Melalui BN kepentingan semua kaum dapat diambil kira dan kita dapat mengagihkan hak supaya tidak ada satu kaum pun merasa ketinggalan.

"Di Malaysia tak mungkin ada kaum yang mendapat semua yang dituntut oleh mereka. Orang Melayu tak akan dapat 100 peratus begitu juga dengan kaum Cina, India, Iban, Kadazan, Bajau, Orang Ulu dan lain-lain di Sabah dan Sarawak tak mungkin dapat semua yang dituntut. Jika ada mana-mana kaum dapat 100 peratus ini bermakna bahawa kita sudah melakukan sesuatu yang tidak adil," katanya.

-- BERNAMA  
ZAI KHY MAI